

ANALISIS KEPELBAGAIAN FUNGSI *LAM* (ل) DALAM AL- QURAN

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Al-Quran mempunyai mukjizat tersendiri yang tidak dipunyai oleh kitab suci sebelumnya. Ia diturunkan dalam bahasa Arab. Ia merupakan bahasa yang sangat indah. Huruf *lam* (ل) merupakan huruf ke-23 dalam susunan *Huruf Hijaiyyah*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepelbagaian fungsi huruf *lam* dalam al-Quran dari sudut nahu Arab dan pemahaman semantik. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian deskriptif dengan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi huruf *lam*. Ia merupakan salah satu *huruf jar* yang memainkan peranan penting dalam membentuk makna ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *lam* mempunyai pelbagai fungsi seperti *istihqaq*, *tabligh*, *milk*, *ikhtisos*, *ta' lil*, *'aqibah*, *ibtida'*, *isti'la'*, huruf tambahan (الزائدة), bermakna *fi* (في), bererti *ba'da* (بعد) dan bermakna *'an* (عن). Pengkaji mendapati penggunaan *lam* dalam al-Quran tidak hanya bersifat gramatikal tetapi turut membawa dimensi retorik dan makna yang mendalam dalam konteks ayat. Kepelbagaian fungsi ini menggambarkan keindahan dan keunikan bahasa al-Quran serta ketepatan penggunaan bahasa Arab dalam menyampaikan mesej Ilahi. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemahaman terhadap pelbagai fungsi *lam* dapat membantu dalam penafsiran yang lebih tepat terhadap teks al-Quran serta memperkaya ilmu linguistik Arab dari aspek sintaksis dan semantik.

Kata kunci: analisis; fungsi; *lam* (ل); al-Quran

1. PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai keindahan bahasa dan ketelitian struktur tatabahasa yang luar biasa. Salah satu aspek penting dalam memahami kandungan al-Quran secara tepat ialah penguasaan terhadap nahu (tatabahasa) dan *balaghah* Arab (retorik) termasuk analisis terhadap huruf-huruf tertentu yang membawa pelbagai fungsi. Salah satu huruf yang mendapat perhatian dalam ilmu bahasa Arab ialah huruf *Lam* (ل) yang memainkan pelbagai peranan sintaksis dan semantik dalam ayat-ayat al-Quran.

Al-Quran sebagai kitab suci umat Islam mengandungi susunan bahasa Arab yang sangat halus, tepat dan penuh dengan makna tersirat. Salah satu ciri penting dalam keindahan dan keutuhan mesej al-Quran ialah penggunaan huruf-huruf tertentu yang membawa pelbagai makna bergantung kepada konteks ayat. Antara huruf yang berperanan besar dalam mempengaruhi makna ayat ialah huruf *Lam*. Namun begitu, kepelbagaian fungsi *Lam* dalam al-Quran sering kali menimbulkan kekeliruan, terutamanya kepada pembaca yang tidak menguasai nahu dan *balaghah* Arab dengan mendalam. Tanpa kefahaman yang jelas terhadap fungsi sebenar *Lam* dalam sesuatu ayat, risiko untuk salah faham terhadap maksud ayat sangat tinggi, sekali gus boleh menjejaskan kefahaman terhadap ajaran al-Quran itu sendiri. Tambahan pula, dalam kajian tafsir dan ulum al-Quran, masih terdapat kekurangan kajian yang fokus secara sistematik terhadap penggunaan *Lam* dari sudut nahu, *balaghah* (retorik) dan semantik dalam al-Quran. Banyak rujukan hanya menyentuh fungsi *Lam* secara umum tanpa memperincikan perbezaan penggunaan berdasarkan konteks ayat ataupun tidak mengemukakan analisis contoh-contoh ayat secara terperinci. Hal ini menyebabkan berlaku jurang dalam pemahaman yang lebih kritikal terhadap struktur bahasa al-Quran. Justeru, kajian ini berusaha untuk meneliti dan menganalisis secara terperinci kepelbagaian fungsi *Lam* dalam al-Quran, mengenal pasti bentuk-bentuk penggunaannya dan menghuraikan kesan semantik terhadap makna ayat.

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan utama, antaranya diharapkan ia dapat meningkatkan kefahaman terhadap Al-Quran, menyumbang kepada ilmu linguistik Arab dan Ulum Al-Quran, menjadi rujukan kepada pelajar dan penyelidik, menghargai keindahan bahasa Al-Quran dan memperkukuhkan kaedah pengajaran Bahasa Arab dan Al-Quran. Dengan menganalisis kepelbagaian fungsi *Lam* dalam al-Quran, kajian ini memperjelas maksud sebenar ayat-ayat al-Quran seterusnya mengelakkan salah tafsir terhadap mesej yang disampaikan. Kajian ini memperkaya bidang linguistik Arab khususnya dalam aspek nahu dan *balaghah* dan memberikan sumbangan kepada ilmu *Ulum Al-Quran* dengan menyediakan analisis khusus mengenai fungsi huruf dalam teks suci. Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan yang sistematik untuk pelajar, pengkaji dan sesiapa sahaja yang mendalami kajian bahasa Arab, tafsir al-Quran atau Ulum Al-Quran. Kajian ini mendedahkan kehalusan dan keindahan struktur bahasa al-Quran, memperlihatkan variasi penggunaan huruf seperti *Lam* membawa kesan besar terhadap makna dan kefasihan ayat. Penemuan daripada kajian ini boleh digunakan untuk memperbaiki pendekatan dalam pengajaran bahasa Arab dan pengajian al-Quran khususnya dalam aspek memahami makna ayat-ayat suci secara lebih terperinci.

2. KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh para sarjana dari dalam dan luar negara berkaitan partikel, namun tidak banyak kajian yang memberikan tumpuan terhadap huruf *Lam*. Antara kajian oleh sarjana Indonesia ialah Penggunaan Huruf Lam Dalam Al-Qur`An Serta Implikasinya Terhadap Pembelajaran Qawaidul Lughah Al-Arabiyah (Analisis Fungsi dan Makna Huruf Lam dalam Surat Al-Baqarah) yang dijalankan oleh Mustajab M. Making. (2023) . Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam Surah Al-Baqarah Juz 1 terdapat 206 huruf *Lam* yang terdiri daripada dua kategori iaitu *Lam Amilah* dan *Ghoir Amilah*.

Sementara itu, kajian oleh Khuzaima Mandhira Pusti, Kaila Salsabilla Renajaya, Fitria Nurrohmah, Syukronillah dan Aang Saeful Milah (2023) yang bertajuk Analisis Makna Lam dalam Surat Al-Qalam. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat 18 makna yang dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti *lam nahyi*, *lam harf nafyi* dan *lam taukid*. Kedua, ada *lam ghoiru amilah*, ada 9 *lam* yang terbahagi kepada lima bahagian iaitu *lam zaidah*, *lam waqiah*, *lam muzhalaqah*, *lam ibtida'* dan *lam fariqoh*.

Kajian yang berkaitan turut dilaksanakan oleh M. Suryadinata (2015) yang menjalankan kajian bertajuk 'Makna Huruf Jar Lam Dalam Al-Quran'. Beliau mendapati terdapat lapan fungsi *Lam* dalam Al-Quran iaitu *Lam ta'lil*, *Lam Taqwiyah*, *Lam Zaidah*, *Lam intiha'* (bermakna 'ila), *Lam isti'la'* (bermakna 'ala), membawa maksud *ba'da*, bererti *fi* dan memberi makna *ba'*. Manakala kajian oleh Siti Laela Janiah. (2014) dengan tajuk Analisis Penggunaan Huruf Lam dalam Al-Qur'an serta Implikasinya terhadap Pembelajaran Tarjamah pula mendapati sebanyak 126 huruf *lam* yang terdiri dua kategori: pertama, *lam 'amilah* sebanyak 94 yang terbagi pada dua bahagian: *lam jarah* berjumlah 94 yang terdiri dari 7 jenis: *lam istihqaq* bermakna layak/berhak 32, *lam milki* bermakna kepemilikan 3, *lam tabligh* bermakna menyampaikan sesuatu terdapat 19, *lam takhsis* menunjukan kekhususan 4, *lam jar ta'lil* bermakna sebab 2, *lam litta'diyah* untuk memuta'addikan fi'il disebut 27 kali dan *lam littaqwiyah* sebagai penguat makna 5. Manakala *lam nashibah* berjumlah 2 jenis, diantaranya: *lam ta'lil* yang menunjukan makna sebab disebut 1 kali dan *lam aqibah* yang menunjukan akibat terdapat 1 kali. Kategori kedua yakni *lam ghaer amilah* berjumlah 32 yang terdiri dari *lam bu'da* untuk menunjukan jauh 16, *lam ibtida'* sebagai *ta'kid* 1, *lam muzhaliqah* bermakna *ta'kid* 3, *lam jawab lau* 2, *lam jawab laula* 1, *lam jawab qasam* 8 dan *lam mauthi'ah lil qasm* 1. Peneliti juga menemukan implikasi penelitian ini terhadap terjemahan.

Seterusnya kajian yang berjudul Partikel Lam Amr Dan Lam Du'a Beserta Ma'mulnya Dalam Al-Quran (Analisis Morfologis Dan Sintaksis) yang telah ditulis oleh Kevin Yudi Egi Stevani. (2019). Pengkaji menemukan empat makna dalam Al-Quran iaitu *lam ta'lil*, *lam juhud*, *lam milk* dan *lam ta'diyah*.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang bersifat analisis deskriptif. Fokus kajian adalah terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi huruf *lam* dengan tujuan mengenal pasti dan mengklasifikasikan pelbagai fungsi Lam berdasarkan konteks penggunaannya.

Beberapa langkah utama dalam reka bentuk kajian ini adalah pengumpulan data, penentuan kriteria analisis, perbincangan dan interpretasi serta penyusunan dapatan. Data kajian diperoleh daripada al-Quran, dengan mengenal pasti semua ayat yang mengandungi huruf *lam*. Senarai ayat ini akan disusun secara sistematik untuk dianalisis. Fungsi *lam* akan diklasifikasikan berdasarkan kategori yang dikenal pasti dalam ilmu nahu dan balaghah. Panduan klasifikasi akan disandarkan kepada rujukan klasik dan kontemporari dalam ilmu bahasa Arab dan tafsir. Analisis dilakukan dengan membaca ayat dalam konteks penuh dan menentukan fungsi *lam* berdasarkan petunjuk struktur nahu, makna semantik dan tafsiran ulamak. Setiap fungsi *lam* akan diuraikan dengan memberi contoh ayat al-Quran yang berkaitan. Setelah fungsi-fungsi *lam* dikenal pasti, analisis lanjut akan dibuat tentang cara kepelbagaian fungsi tersebut memberi kesan terhadap makna dan kefahaman ayat. Perbincangan ini akan turut mengambil kira pandangan ahli tafsir dan sarjana bahasa Arab. Hasil analisis akan disusun mengikut kategori fungsi *lam* dan diuraikan secara sistematik bagi memudahkan pembaca memahami variasi penggunaannya dalam al-Quran.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji merumuskan hasil kajian bahawa *lam* dalam Al Qur'an mempunyai pelbagai makna. Ia merangkumi *istihqaq*, *tabligh*, *milk*, *ikhtisos*, *ta'lil*, *'aqibah*, *ibtida*, *isti'la*, huruf tambahan (الزائدة), bermakna *fi* (في), bererti *ba'da* (بعد) dan bermakna *'an* (عن).

4.1 *Istihqaq* (الاستحقاق)

Makna *istihqaq* adalah menerangkan milik atau hak.

Contohnya ialah:

(وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ) (سورة المطففين: ١)

Terjemahan: Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang.

(وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ) (سورة البقرة: ١١٤)

Terjemahan: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan dia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar.

(بَلْ كَذَّبُوا بِالسَّاعَةِ وَأَعْتَدْنَا لِمَنْ كَذَّبَ بِالسَّاعَةِ سَعِيرًا) (سورة الفرقان: ١١)

Terjemahan: (Mereka bukan sahaja mendustakanmu) bahkan mereka juga mendustakan hari kiamat; dan Kami telah sediakan bagi sesiapa yang mendustakan hari kiamat itu, api yang menjulang-julang.

(قُلْ أَذَلِكَ خَيْرٌ أَمْ جَنَّةُ الْخُلْدِ الَّتِي وُعدَ الْمُتَّقُونَ كَانَتْ لَهُمْ جَزَاءٌ وَمَصِيرًا) (سورة الفرقان: ١٥)

Terjemahan: Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah (azab seksa neraka) yang demikian itu lebih baik atau Syurga yang kekal, yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa?" Syurga yang sedia diuntukkan bagi mereka sebagai balasan dan tempat kembali.

(يَوْمَ يَرَوْنَ الْمَلَائِكَةَ لَا بُشْرَى لِلْمُجْرِمِينَ وَيَقُولُونَ حَجْرًا مَحْجُورًا) (سورة الفرقان: ٢٢)

Terjemahan: (Ingatkanlah) hari mereka melihat malaikat, pada hari itu tiadalah sebarang berita gembira bagi orang-orang yang bersalah (bahkan sebaliknya), dan mereka akan berkata: "Semoga kita dijauhkan (dari sebarang keadaan yang buruk)".

(وَقَوْمٌ نُّوحٌ لَّمَّا كَذَبُوا لِرُسُلٍ أَغْرَقْنَاهُمْ وَجَعَلْنَاهُمْ لِلنَّاسِ آيَةً وَأَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ عَذَابًا أَلِيمًا) (سورة الفرقان: ٣٧)

Terjemahan: Dan (demikian juga) kaum Nabi Nuh, ketika mereka mendustakan Rasul-rasul Kami, Kami tenggelamkan mereka, dan Kami jadikan mereka satu tanda (yang menjadi contoh) bagi umat manusia; dan Kami sediakan bagi sesiapa yang zalim azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اسْجُدُوا لِلرَّحْمَنِ قَالُوا وَمَا الرَّحْمَنُ أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا) (سورة الفرقان: ٦٠)

Terjemahan: Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang musyrik itu): "Sujudlah kamu kepada Ar-Rahman (Tuhan Yang Maha Pemurah)!" Mereka bertanya: "Dan siapakah Ar-Rahman itu? Patutkah kami sujud kepada apa sahaja yang engkau perintahkan kami?" Dan perintah yang demikian, menjadikan mereka bertambah liar ingkar.

(يُضْلَعُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَانًا) (سورة الفرقان: ٦٩)

Terjemahan: Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan.

(الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) (سورة الفاتحة: ٢)

Terjemahan: Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

4.2 Tabligh (التبليغ)

la bererti menyampaikan dan menyerupai makna *ila* (إلى).

(وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ) (سورة البقرة: ٣٠)

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَؤُلَاءِ أَهْدَى مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا سَبِيلًا) (سورة النساء: ٥١)

Terjemahan: Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada benda-benda yang disembah yang lain dari Allah, dan kepada Taghut, dan mereka pula berkata kepada orang-orang kafir (kaum musyrik di Makkah) bahawa mereka (kaum musyrik itu) lebih betul jalan ugamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad s.a.w).

﴿وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابًا نَقَالَ سُقْنَاكَ لِيَلِدَ مَيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ (سورة الأعراف: ٥٧)

Terjemahan: Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

4.3 Milk (الملك)

Lam digunakan untuk menunjukkan kepemilikan atau hak. Fungsi *lam milkiyyah* ini menekankan kekuasaan Allah yang mutlak, mengingatkan umat Islam bahawa segala apa yang ada di alam ini adalah hak milik-Nya dan kita sebagai hamba-Nya hanyalah pemegang amanah yang bertanggungjawab terhadapnya.

﴿الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا﴾ (سورة الفرقان: ٢)

Terjemahan: Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahanNya; dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna. ﴿لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوا بِحَاسِبِكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ (سورة البقرة: ٢٨٤)

Terjemahan: Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Analisis: *Lam* di sini menunjukkan hak milik mutlak Allah terhadap segala yang ada di langit dan di bumi. *Lam* ini memberi makna hak milik sepenuhnya kepada Allah.

﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۚ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ﴾ (سورة البقرة: ٢٥٥)

Terjemahan: Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya).

4.4 Ikhtisos (الاختصاص)

Lam ini menunjukkan erti pemilikan yang lebih khusus.

﴿إِذَا رَأَوْهُمْ مِنْ مَكَانٍ بَعِيدٍ سَمِعُوا لَهَا تَغِيْطًا وَرَفِيْرًا﴾ (سورة الفرقان: ١٢)

Terjemahan: Apabila neraka itu melihat mereka dari tempat yang jauh, kedengaranlah mereka suara marahnya yang menggegelak dan mengeluh.

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجَ اللَّاتِي عَاتَيْتَ أَجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْكَ وَبَنَاتٍ عَمَّكَ وَبَنَاتٍ عَمَّتِكَ وَبَنَاتَ خَالَكَ وَبَنَاتَ خَالَاتِكَ اللَّاتِي هَاجَرْنَ مَعَكَ وَامْرَأَةً مُؤْمِنَةً إِن وَهَبْتَ نَفْسَهَا لِلنَّبِيِّ إِنْ أَرَادَ النَّبِيُّ أَنْ يَسْتَنْكِحَهَا خَالِصَةً لَكَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِي أَزْوَاجِهِمْ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ حَرَجٌ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا﴾ (سورة الأحزاب: ٥٠)

Terjemahan: Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya, dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang; dan (Kami telah halalkan bagimu berkahwin dengan sepupu-sepupumu, iaitu): anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), dan anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu; dan (Kami telah halalkan bagimu) mana-mana perempuan yang beriman yang memberikan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya dengan tidak membayar maskahwin) kalaulah Nabi suka berkahwin dengannya; perkahwinan yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, buka bagi orang-orang yang beriman umumnya; sesungguhnya Kami telah mengetahui apa yang Kami wajibkan kepada orang-orang mukmin mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki; - supaya tidak menjadi keberatan bagimu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

4.5 Ta'liil (التعليل)

Lam yang bermaksud 'kerana' atau 'disebabkan oleh'. *Lam* digunakan untuk menunjukkan sebab atau tujuan sesuatu perbuatan. *Lam* jenis ini juga membolehkan kita memahami hubungan sebab-akibat antara tindakan dan hasil yang diinginkan serta menjadikan ayat-ayat yang menggunakan *lam* ini lebih jelas dan bermakna dalam konteks ajaran agama.

﴿إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا (١) لِيُغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا﴾ (سورة الفتح: ١-٢)
Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata (1), Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya) (2).

﴿وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَتَيْنِ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِلْبَاقِيَاتِ فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْأَجْسَابِ وَكُلِّ شَيْءٍ فَصَلَّنَاهُ تَفْصِيلًا﴾ (سورة الإسراء: ١٢)

Terjemahan: Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan ugama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam Al-Quran) dengan sejelas-jelasnya.

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا (٨) لَتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا﴾ (سورة الفتح: ٨ - ٩)

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai Rasul yang menjadi saksi (yang diterima keterangannya), dan sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) (8) (Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya, dan supaya kamu kuatkan ugamaNya serta memuliakanNya, dan supaya kamu beribadat kepadaNya pada waktu pagi dan petang (9).

Analisis: *Lam* di sini menunjukkan sebab atau tujuan, iaitu supaya manusia beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. *Lam* ini membawa maksud "agar" atau "supaya".

﴿ثُمَّ إِذَا كَشَفَ الضُّرَّ عَنْكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِنْكُمْ بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ (٥٤) لِيُكْفَرُوا بِمَا ءَاتَيْنَاهُمْ فَمَتَّعُوا فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ (٥٥)﴾ (سورة النحل: ٥٤ - ٥٥)

Terjemahan: Kemudian, apabila Ia menghapuskan kesusahan itu daripada kamu, tiba-tiba sepuak di antara kamu mempersekutukan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka (54). (Mereka melakukan yang demikian) kerana mereka kufur, tidak bersyukur akan nikmat-nikmat yang kami berikan kepada mereka. Oleh itu, bersenang-senanglah kamu (dengan nikmat-nikmat itu bagi sementara di dunia), kemudian kamu akan mengetahui (balasan buruk yang akan menimpa kamu) (55).

﴿رَسُولًا يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِ اللَّهِ مُبَيِّنَاتٍ لِيُخْرِجَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۚ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۖ قَدْ أَحْسَنَ اللَّهُ لَهُ رِزْقًا﴾
(سورة الطلاق: ١١)

Terjemahan: (Dengan mengutuskan) seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran, supaya Allah mengeluarkan orang-orang (yang sedia diketahuiNya akan) beriman dan beramal soleh - dari gelap-gelita (kesesatan) kepada cahaya (hidayah petunjuk). Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah dan beramal soleh, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah (dengan yang demikian) telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik pemberian.

﴿لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ﴾ (سورة قريش: ١)

Terjemahan: Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah).

4.6 'Aqibah (العاقبة)

Lam akibat iaitu apabila apa-apa yang datang selepasnya adalah akibat yang tidak diinginkan daripada apa-apa yang datang sebelumnya.

﴿فَالْتَقَطَهُ ءَالُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَرْنًا ۚ إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهُمَّنَّ وَجُنُودُهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ﴾ (سورة القصص: ٨)

Terjemahan: Setelah itu dia dipungut oleh orang-orang Firaun; kesudahannya dia akan menjadi musuh dan menyebabkan dukacita bagi mereka; sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.

4.7 Ibtida' (الابتداء)

Lam bermaksud permulaan. *Lam* digunakan untuk memperkenalkan makna baru dalam satu struktur ayat. *Lam Ibtida'* digunakan untuk memulakan satu makna atau ayat dengan tegas biasanya untuk menunjukkan sesuatu yang penting atau sebagai penegasan.

﴿وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا خَيْرًا ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلِلَّذِينَ الْآخِرَةُ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ﴾ (سورة النحل: ٣٠)

Terjemahan: Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: "Apakah yang telah diturunkan oleh tuhan yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?" Mereka menjawab: "Kebaikan" orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa.

﴿لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۚ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَبْنَىٰ إِسْرَءِيلَ ۚ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبَّيَ وَرَبَّكُمْ ۚ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۚ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ﴾ (سورة المائدة: ٧٢)

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibnu Maryam". Padahal Al-Masih sendiri berkata: "Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim".

Analisis: *Lam* pada "لقد" berfungsi untuk permulaan dan penegasan terhadap kenyataan yang serius, iaitu kekufuran golongan yang menyatakan Isa adalah Tuhan.

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَهَبَ لِي عَلَى الْكِبَرِ إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِنَّ رَبِّي لَسَمِيعُ الدُّعَاءِ﴾ (سورة ابراهيم: ٣٩)

Terjemahan: "Segala puji tertentu bagi Allah Yang telah mengurniakan kepadaku semasa aku tua: Ismail dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar dan Memperkenan doa permohonan.

Dengan menggunakan *Lam Ibtida'*, ayat ini bukan sahaja memperkenalkan makna tetapi menegaskan keteguhan sifat Tuhan yang Maha Mendengar. Ia juga menguatkan keyakinan pembaca terhadap keperluan untuk sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah.

4.8 Isti'la' (الاستعلاء)

Ia bermakna 'ala (على).

﴿إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسُئَرُوا وَلِيَدْخُلُوا الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا تَتْبِيرًا﴾ (سورة الإسراء: ٧)

Terjemahan: Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila sampai masa janji (membalas perbuatan derhaka kamu) kali kedua, (Kami datangkan musuh-musuh kamu) untuk memuramkan muka kamu (dengan penghinaan dan keganasannya); dan untuk memasuki masjid (BaitulMaqdis) sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama; dan untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai, dengan sehancur-hancurnya.

4.9 Huruf tambahan (الزائدة)

Lam digunakan untuk mengukuhkan dan menegaskan kenyataan.

﴿وَلَمَّا سَكَتَ عَنْ مُوسَى الْغَضَبُ أَخَذَ الْأَلْوَاحَ وَفِي نُحُوتِهَا هُدًى وَرَحْمَةٌ لِلَّذِينَ هُمْ لِأَرْبَابِهِمْ يَرْهَبُونَ﴾ (سورة الأعراف: ١٥٤)

Terjemahan: Dan apabila kemarahan Nabi Musa itu reda, dia pun mengambil Lauh-lauh Taurat itu yang dalam naskhahnya terkandung petunjuk dan rahmat, bagi orang-orang yang bersungguh-sungguh takut Tuhan mereka (daripada melanggar perintahNya).

﴿وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعٌ سُتَبَلَاتٍ خُضِرَ وَأَخْرَ يَابَسَاتٍ يَأْكُلُهَا أَلْمَلَأَ أَفْئُونِي فِي رُءْيَايَ إِنْ كُنْتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبِرُونَ﴾ (سورة يوسف: ٤٣)

Terjemahan: Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: "Sesungguhnya aku mimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai menafsirkan mimpi".

﴿وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ﴾ (سورة القلم: ٤)

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Lam digunakan untuk menegaskan kehebatan akhlak Rasulullah SAW. Penegasan ini bukan sahaja menunjukkan sifat mulia Nabi Muhammad SAW tetapi juga memberikan dorongan kepada umat Islam untuk mencontohi dan mengamalkan akhlak yang terpuji dalam kehidupan seharian.

4.10 Bermakna fi (في)

﴿وَنُزَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ﴾ (سورة الأنبياء: ٤٧)

Terjemahan: Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk) pada hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekali pun) nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.

﴿يَقُولُ يَلَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي﴾ (سورة الفجر: ٢٤)

Terjemahan: Ia akan berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk hidupku (di sini)!"

4.11 Bererti *ba'da* (بعد)

(أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى عَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْءَانَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا) (سورة الإسراء: ٧٨)

Terjemahan: Dirikanlah olehmu sembahyang selepas gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) sembahyang subuh sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya).

4.12 Bermakna '*an* (عن)

(وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا لَوْ كَانَ خَيْرًا مَا سَبَقُونَا إِلَيْهِ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا بِهِ فَسَيَقُولُونَ هَذَا إِنْكَ قَدِيمٌ) (سورة الأحقاف: ١١)

Terjemahan: Dan (kerana sombong angkuhnya orang-orang kafir itu) mereka berkata tentang kepercayaan orang-orang yang beriman: "Kalaulah (apa yang dibawa oleh Muhammad) itu perkara yang baik tentulah mereka tidak mendahului kami mempercayainya (kerana kamilah yang sepatutnya menerima segala kebaikan)!" Dan setelah mereka tidak dapat menerima petunjuk Al-Quran itu, (mereka memusuhinya) lalu mereka mencacinya dengan berkata: "Al-Quran ini ialah rekaan dusta yang sudah lama".

5. KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan bahawa huruf *lam* memainkan peranan penting dalam memperkaya dan menyatakan makna ayat al-Quran. Kepelbagaian fungsi *lam* menuntut pemahaman mendalam terhadap nahu Arab untuk memastikan tafsiran yang tepat. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada bidang linguistik Arab dan memperkasa pembacaan serta penghayatan terhadap al-Quran secara lebih berkesan.

Penyelidik juga membuktikan bahawa kefahaman terhadap fungsi *lam* dapat membantu pembaca al-Quran untuk menggali lebih dalam tentang tujuan dan maksud setiap ayat. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang penggunaan *lam*, seseorang akan dapat memperkaya penghayatan terhadap al-Quran dan lebih memahami cara Allah SWT berkomunikasi dengan umat-Nya. Dengan ini, kajian ini membuka ruang untuk penelitian lanjut dalam bidang bahasa al-Quran khususnya dalam menganalisis huruf dan kata yang membawa pelbagai fungsi dalam konteks yang berbeza.

6. RUJUKAN

- Abdul Halim Had & Afdol Tharik Wastono. (2010). Partikel /lam/ dalam Al-Karim (sebuah tinjauan semantik). [Online]: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20160945&lokasi=lokal>. (akses pada 12 Mac, 2025).
- Candra Gunawan, Pujiati, Nurlela. (2017). Analisis Makna Leksikal Harf Jar Dalam Al-Qur'an Surat Al-Furqan. [Online]: <https://waraqat.assunnah.ac.id/index.php/WRQ/article/download/58/51/>. (akses pada 14 April, 2025).
- Kevin Yudi Egi Stevani. (2019). Partikel Lam Amr Dan Lam Du'a Beserta Ma'mulnya Dalam Al-Quran (Analisis Morfologis Dan Sintaksis). [Online]: https://lib.unnes.ac.id/34806/1/2303415050_Optimized.pdf. (akses pada 28 April, 2025).
- Khuzaima Mandhira Pusti, Kaila Salsabilla Renajaya, Fitria Nurrohmah, Syukronillah & Aang Saeful Milah. (2023) Analisis Makna Lam dalam Surat Al-Qalam. [Online]: <https://doi.org/10.15548/diwan/16.i1.1478>. (akses pada 28 April, 2025).
- M. Sofwan Nazidul M. (2023). Analisis Huruf Jar Dan Maknanya Dalam Surat Al-Fath Dan Alternatif Metode Pembelajarannya. [Online]:

- <https://repository.uinsaizu.ac.id/20717/1/SkripsiMSofwanNazidulM-1.pdf>. (akses pada 5 Mei, 2025).
- M.Suryadinata. (2015). Makna Huruf Jar Lam Dalam Al-Quran. [Online]: <https://media.neliti.com/media/publications/338500-makna-huruf-jar-lam-dalam-al-quran-d1b90083.pdf>. (akses pada 28 April, 2025).
- Muhamad Basuki. (2022). Huruf Jar (Preposisi): Makna dan Contoh Huruf Lam (اللام) dalam Kalimat Bahasa Arab.). [Online]: <https://amp.muhamadbaski.web.id/artikel/151/huruf-jar-preposisi-makna-dan-contoh-huruf-lam-dalam-kalimat-bahasa-arab.html>. (akses pada 12 Mac, 2025).
- Mustajab M. Making. (2023). Penggunaan Huruf Lam Dalam Al-Qur`An Serta Implikasinya Terhadap Pembelajaran Qawaidul Lughah Al-Arabiyah (Analisis Fungsi dan Makna Huruf Lam dalam Surat Al-Baqarah). [Online]: <https://journal.iaipibandung.ac.id/index.php/ibanah/article/view/200>. (akses pada 28 April, 2025).
- Nor Azhan Norul Azmi, Normah Husin. (2017). Analisis Kepelbagaian Fungsi Dan Makna Kata Partikel. [Online]: <https://conference.uis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2017/1083.pdf>. (akses pada 28 April, 2025).
- Siti Laela Janiah. (2014). Analisis Penggunaan Huruf Lam dalam Al-Qur`an serta Implikasinya terhadap Pembelajaran Tarjamah. [Online]: https://repository.upi.edu/16426/2/S_ARB_1006138_Abstract.pdf. (akses pada 28 April, 2025).